

<b>Headline</b>	Menteri bertindak		
<b>MediaTitle</b>	Kosmo		
<b>Date</b>	26 Jun 2014	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Negara	<b>Circulation</b>	218,251
<b>Page No</b>	1,2	<b>Readership</b>	654,753
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	913 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	Oleh IKHWAN HAZWAN HAMIDUN dan	<b>AdValue</b>	RM 11,705
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 35,115



# Menteri bertindak

KERATAN muka  
depan Kosmo!  
pada 23, 24 dan 25  
Jun 2014.

## NGO desak hutan tадahan hujan dilindungi



Ekoran laporan khas Kosmo! mengenai penerokaan hutan yang berleluasa dan menjejaskan ekosistem di Pahang dan Lembah Klang, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel memberikan respons berikut:



Jabatan Perhutanan diarah hentikan semua kerja penerokaan hutan di Cameron Highlands berkuat-kuasa serta-merta



Arahan itu akan dipertimbangkan diperluaskan ke daerah lain di Raub dan Bentong



Jabatan Perhutanan perlu menanam semula pokok di kawasan hutan yang digondol oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab



PALANIVEL menunjukkan laporan Kosmo! mengenai penerokaan hutan di barat Pahang ketika ditemui di Hulu Klang semalam.

► BERITA DI MUKA 2 & 3

## Henti teroka hutan serta-merta

Kerajaan Pusat arah semua hutan yang digondol di Pahang ditanam semula

Oleh IKHWAN HAZWAN  
HAMIDUN dan SYED AZLAN  
SAYYID HIZAR

**KUALA LUMPUR** – Jabatan Perhutanan diarah menghentikan semua kerja penerokaan hutan bagi tujuan pembangunan dan pertanian terutama di Cameron Highlands, Pahang sebelum ia diperluaskan ke kawasan lain terutama di Hutan Simpan Lentang di Bentong.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, tindakan tersebut diambil kerana kerajaan memandang serius aktiviti penerokaan hutan yang semakin berleluasa ketika ini.

“Saya ambil maklum beberapa kawasan lain (termasuk di kawasan Hutan Simpan Lentang) yang ter-

jejas teruk apabila hutannya diteroka (untuk pembinaan menara talian penghantaran elektrik Tenaga Nasional Berhad) dan kita akan menyiasat sebelum tindakan diambil,” katanya.

Beliau ditemui Kosmo! selepas menghadiri majlis pe-

rasmian Pusat Konservasi Panda Gergasi dan sambutan ulang tahun ke-50 Zoo Negara, Hulu Klang dekat sini semalam.

Beliau yang juga Presiden MIC menyatakan demikian setelah mendengar siri laporan khas Kosmo! pada 22, 23 dan 25 Jun lalu mengenai aktiviti penerokaan hutan di beberapa kawasan di Raub, Bentong dan Cameron

Highlands, Pahang untuk tujuan pembangunan dan pertanian.

Palanivel berkata, beliau juga telah mengarahkan Jabatan Perhutanan supaya bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menanam semula pokok di kawasan-kawasan yang terjejas teruk sebelum ini.

Katanya, kerja-kerja pe-

nanaman semula tersebut dijangka bermula pada September depan di Cameron Highlands.

Ia merupakan projek pentitis sebelum usaha tersebut diperluaskan ke daerah lain yang terjejas seperti Raub dan Bentong.

Palanivel memberitahu, pihaknya terpaksa berhadapan dengan pelbagai kekangan dan halangan dalam usaha untuk membasi ak-

tiviti penerokaan hutan daripada terus berleluasa.

Jelasnya, terdapat banyak kes yang menunjukkan pegawai-pegawai kementerian sukar untuk menentukan sama ada pihak yang meneroka hutan tersebut mempunyai kelulusan atau pun tidak.


“Malah, ada kes penceroboh tidak mengeluarkan pokok balak tersebut namun membakar dan meninggalkannya di tengah hutan dan ia hanya dapat dikesan selepas tinjauan udara dilakukan.

“Namun begitu, kementerian akan berusaha untuk memastikan kes-kes penerokaan hutan ini dapat dikurangkan pada masa akan datang. Orang ramai dilalu-alukan untuk memberi maklumat sekiranya berlaku penerokaan di kawasan mereka,” ujarnya.

<b>Headline</b>	<b>Menteri bertindak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Jun 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>1,2</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>913 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Oleh IKHWAN HAZWAN HAMIDUN dan</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 11,705</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 35,115</b>



PENEROKAAN hutan tidak terkawal ekoran pelaksanaan satu projek Tenaga Nasional Berhad di Hutan Simpan Lentang di Bentong, Pahang tidak sepatutnya berlaku.



ANTARA kawasan hutan yang ditaraf untuk tujuan pertanian di Cameron Highlands.

<b>Headline</b>	<b>Menteri bertindak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Jun 2014</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>218,251</b>
<b>Page No</b>	<b>1,2</b>	<b>Readership</b>	<b>654,753</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>913 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>Oleh IKHWAN HAZWAN HAMIDUN dan</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 11,705</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 35,115</b>

